

MRT Corp beri kontrak tiga lagi pakej projek

MASS Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) memberikan kontrak bagi tiga lagi pakej kerja projek perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang dengan nilai keseluruhan RM732.2 juta.

Ia susulan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC) di Putrajaya semalam yang dipengerusikan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

“Pengagihan ini adalah tawaran terbaik daripada syarikat yang disenarai pendek sebelum ini. Dengan tiga lagi pakej diagihkan, ia menunjukkan projek MRT berjalan lancar,” kata Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid (**gambar**) dalam satu kenyataan, semalam.



Kontrak pertama adalah bagi pakej S2 membabitkan kerja pembinaan, menyiapkan stesen bertingkat Taman Industri Sungai Buloh, PJU 5 dan Kota Damansara dan kerja berkai-

tan lain bernilai RM204.7 juta. Ia diberikan kepada Naim Engineering Sdn Bhd.

Naim Engineering juga adalah syarikat yang berjaya membida pakej S4 membabitkan kerja pembinaan, menyiapkan bertingkat stesen Seksyen 16, Pusat Bandar Damansara dan Semantan dan kerja berkaitan lain bernilai RM208 juta yang diagihkan pada 26 Julai lalu.

Selain itu, OSPC memutuskan menganugerahkan UEM Construction Sdn Bhd dengan pakej S3 membabitkan pembinaan, menyiapkan stesen bertingkat The Curve, One Utama dan Dataran Sunway dan kerja berkaitan lain yang bernilai RM275.8 juta.

Bulan lalu, UEM Construc-

tion dianugerahkan pakej V8 membabitkan pembinaan, menyiapkan laluan jambatan dan kerja berkaitan lain dari stesen Taman Mesra ke Kajang bernilai RM951 juta.

Sementara itu, bagi pakej S8 membabitkan pembinaan, menyiapkan stesen bertingkat Saujana Impian, Bandar Kajang dan Kajang dan kerja berkaitan lain bernilai RM251.7 juta dianugerahkan kepada Apex Communication Sdn Bhd.

Ogos lalu, Apex Communication dianugerahkan pakej S7 membabitkan pembinaan dan menyiapkan stesen Balakong dan Taman Koperasi bernilai RM104.7 juta.

Azhar menjelaskan, kontrak bagi ketiga-tiga pakej kerja itu adalah terbuka kepada 12 syarikat Bumiputera yang sebelum ini telah disenarai pendek untuk memohon tendernya.

Setakat ini, katanya 48 daripada keseluruhan 85 pakej kerja projek MRT sudah diberikan.